

Pengenalan

Bidang pendidikan menjadi nadi utama dalam menggerakkan pembangunan sesebuah negara. Pertumbuhan pesat institusi pengajian tinggi penting bukan sahaja berperanan untuk melahirkan seseorang yang memiliki ilmu dalam sesuatu bidang tertentu, tetapi yang lebih penting seseorang yang mempunyai kemahiran insaniah seperti kemahiran berfikir, berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan, menyelesaikan masalah dan kemahiran lain yang amat perlu dalam dunia pekerjaan pada abad ke-21.

IPTA menjadi landasan utama dan medan untuk melahirkan tenaga kerja yang produktif dan profesional bagi menggerakkan segala mekanisme dan jentera pembangunan yang digarap oleh teraju kepimpinan kita. Dengan kata lain, institusi ini menyediakan pekerja yang berkemahiran dan profesional untuk menggerakkan agenda pembangunan negara. Walau bagaimanapun, penyediaan siswazah untuk alam pekerjaan bergantung kepada kurikulum di IPTA.

Dewasa ini, kadar pengangguran siswazah berkelulusan sains dan ICT tempatan semakin meningkat. Pelbagai pihak mula mempersoalkan kualiti pendidikan di negara ini memandangkan sejumlah besar siswazah tempatan menjadi penganggur. Ramai yang menyalahkan siswazah sendiri dan ramai juga yang menyalahkan pihak universiti yang dikatakan tidak menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan kehendak majikan.

Semua pihak perlu sedar bahawa ekonomi merupakan sesuatu yang dinamik. Untuk berjaya, ilmu dan tenaga kerja juga perlulah dinamik dan boleh dikembangkan mengikut keperluan semasa. Dalam hal ini, para penganalisis ekonomi, cendekiawan, penggubal dasar, pelabur dan ahli politik boleh menyumbangkan input, idea dan memberikan maklum balas yang lebih konkrit kerana merekalah yang bertanggungjawab menjana dan mencorakkan ekonomi dan keperluan guna tenaga negara ini.

Kurikulum IPTA perlu berkembang selaras dengan perkembangan teknologi. Struktur dan kursus yang ditawarkan perlu dikaji semula agar sentiasa relevan dan terkini. Pemilihan kursus yang bersesuaian dengan kehendak pasaran pekerjaan juga perlu diberikan keutamaan. Hal ini bermakna, institusi pengajian tinggi (IPT) harus peka dengan keperluan guna tenaga negara dan sentiasa menjalinkan hubungan yang rapat dengan pelbagai agensi, sama ada kerajaan atau swasta.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kemahiran dan keupayaan yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan sebagai persediaan untuk melahirkan siswazah yang mempunyai literasi tempat kerja. Kajian ini juga bertujuan mengkaji kurikulum universiti dari

perspektif majikan, ahli akademik dan siswazah serta kesan pelaksanaannya terhadap keperibadian dan kemahiran pelajar.

Perbincangan ini menjelaskan kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan, kedudukan kurikulum di universiti dan menunjukkan hubungan kait kurikulum dengan cabaran-cabaran yang dihadapi di tempat kerja dari sudut pandangan majikan industri, ahli akademik dan siswazah yang menganggur.

Pandangan Industri Terhadap Kemahiran dan Kecekapan dalam Pasaran Pekerjaan

Pendapat dan harapan pihak industri dirangka mengikut empat kemahiran asas yang dianggap memenuhi keperluan pasaran pekerjaan abad ke-21, iaitu kemahiran literasi alaf digital, komunikasi efektif, pemikiran inventif dan kemahiran produktiviti tinggi.

Kemahiran Literasi Alaf Digital

Kemahiran literasi alaf digital ini mencakupi beberapa aspek, seperti kebolehan berbahasa dan perangkaan, literasi sains dan teknologi, literasi visual, literasi maklumat, literasi pelbagai budaya dan pemahaman secara global semua bidang tersebut.

(a) Penguasaan bahasa Inggeris lemah

Menurut pihak industri, siswazah tidak mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris, khususnya dalam pertuturan dan penulisan asas. Siswazah tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan semasa temu duga. Mereka tidak dapat menjelaskan sesuatu idea secara berkesan dan hal ini memberikan satu gambaran bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang tersebut. Calon-calon ini tidak berani berbahasa Inggeris dan memohon supaya temu duga dijalankan dalam bahasa Malaysia.

(b) Kemahiran teknologi dan komputer

Siswazah tempatan mempunyai pengetahuan dan kemahiran literasi ICT yang baik.

(c) Literasi pelbagai budaya dan pemahaman secara global

Walaupun literasi pelbagai budaya dan pengetahuan tentang isu global penting, perkara-perkara ini tidak diberikan penekanan dalam industri kerana kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris tidak akan membolehkan siswazah membincangkan perkara-perkara ini dengan berkesan.

Kemahiran Komunikasi Efektif

Kebolehan berkomunikasi penting kerana kemahiran ini dapat menjamin kejayaan dalam temu duga dan aktiviti seterusnya di tempat bekerja. Pihak industri menyatakan bahawa siswazah yang menghadapi masalah dalam kemahiran komunikasi efektif, mungkin disebabkan penguasaan bahasa Inggeris mereka yang lemah dan tidak yakin pada diri sendiri.

Kemahiran Pemikiran Inventif

Kemahiran pemikiran inventif melibatkan diri individu itu sendiri. Kemahiran ini melibatkan kesanggupan seseorang siswazah itu menyahut cabaran, menyesuaikan diri dengan keadaan sekelilingnya, berdikari, mempunyai sikap ingin tahu, bersifat kreatif, mempunyai daya pemikiran yang tinggi dan mampu menangani masalah.

Pihak industri menyatakan bahawa hanya segelintir siswazah tempatan yang sanggup menghadapi cabaran. Pasaran pekerjaan memerlukan siswazah yang sanggup mengambil risiko dan mempunyai komitmen yang tinggi. Kelemahan para siswazah yang takut untuk mengambil risiko, ditambah dengan sikap mereka yang berat tulang menyebabkan mereka mahukan pekerjaan yang mudah. Mereka lebih suka akan pekerjaan yang tidak memerlukan komitmen yang tinggi. Hal ini menunjukkan para siswazah mempunyai sikap suka memilih pekerjaan yang kurang memerlukan komitmen dan mudah dibereskan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Kemahiran Produktiviti Tinggi

Pihak industri amat mementingkan pengeluaran yang bermutu. Perkara ini dikaitkan dengan latihan industri yang diperlukan agar siswazah dapat menunjukkan daya pengeluaran yang tinggi. Untuk mencapai kemahiran ini, pihak industri memberikan perhatian kepada siswazah yang mempunyai latihan industri yang mencukupi.

Kebanyakan majikan juga membuat pemerhatian bahawa siswazah tempatan mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk membina keyakinan dan kemahiran dalam bidang pekerjaan mereka. Dalam tempoh enam bulan tersebut, sebilangan siswazah ini menghadapi banyak masalah yang kadang-kadang menyebabkan mereka menyerah kalah dan meletak jawatan.

Pandangan Industri Terhadap Kurikulum Universiti

Pihak industri menegaskan bahawa pemikiran tradisional yang menetapkan universiti sebagai satu gedung ilmu yang hanya bertanggungjawab menyalurkan ilmu perlu diubah agar universiti dan industri dapat menjalinkan kerjasama yang efektif untuk menghadapi cabaran pekerjaan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Penyemakan Semula Kurikulum Universiti Diperlukan dari Semasa ke Semasa

Kebanyakan majikan berpendapat bahawa kurikulum universiti yang ada sekarang memerlukan perubahan untuk menghadapi keperluan tempat kerja. Perkara utama yang ditekankan oleh pihak industri ialah universiti perlu mengetahui jenis kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Perubahan Kurikulum Mengambil Masa yang Lama

Perubahan berpandukan kehendak industri turut menghadapi jalan buntu kerana wujudnya proses yang panjang untuk mengubah sesuatu kurikulum IPTA. Industri lebih suka bekerjasama dengan universiti atau kolej swasta kerana institusi ini sanggup menukar kurikulum dengan cepat mengikut acuan yang dikehendaki oleh industri.

Hubungan Kerjasama Industri dengan IPTA Menghadapi Masalah Disebabkan Tanggapan yang Berbeza

Pihak industri juga menyatakan bahawa beberapa usaha untuk bekerjasama dengan universiti menemui jalan buntu kerana tanggapan yang berbeza tentang peranan masing-masing.

Kurikulum Universiti Tidak Memberikan Ruang yang Mencukupi untuk Kemahiran Praktikal

Kurikulum universiti menyediakan kemahiran tinggi kepada para siswazah, tetapi kelemahan aspek ini berlaku kerana kekurangan aktiviti praktikal yang membolehkan siswazah mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi dalam kemahiran tinggi. Pihak universiti juga perlu mencari tempat latihan industri yang sesuai dan menjalankan penyeliaan yang rapi agar pelajar mendapat latihan yang bermakna.

Peranan Sekolah dalam Penyediaan Pelajar yang Memenuhi Keperluan Universiti dan Kehendak Tempat Kerja

Pihak industri juga menekankan hubung kait antara sekolah dengan universiti dalam membentuk pelajar bagi memenuhi keperluan pekerjaan. Tanggungjawab menangani isu penyediaan pelajar yang memenuhi kehendak pasaran menjadi sukar sekiranya diserahkan kepada pihak universiti sahaja.

Pandangan Ahli Akademik Terhadap Kerelevanan Kurikulum Universiti dalam Memenuhi Keperluan Pasaran Pekerjaan

Persepsi wakil universiti terhadap isu tentang tanggungjawab dalam membentuk pelajar sebagai persediaan memasuki pasaran kerja boleh dihuraikan dengan mengetengahkan empat isu yang berbangkit daripada data.

Tanggungjawab Universiti dalam Menjamin Kebolehpasaran Siswazah

Warga akademik yang ditemu bual sebulat suara merasakan tanggungjawab ini merupakan tanggungjawab kolektif, yakni bukan universiti sahaja, tetapi pihak industri dan masyarakat juga bertanggungjawab dalam menyediakan tempat dan peluang pekerjaan yang memadai untuk siswazah.

Tempoh Pengajian di Universiti

Berkaitan dengan pandangan di atas, warga akademik menyentuh isu sistem pendidikan tiga tahun yang difikirkan perlu disemak semula memandangkan jumlah keluaran siswazah universiti yang tinggi pada setiap tahun dan hal ini menyebabkan pihak industri sukar menyerap mereka ke dalam sistem pekerjaan.

Peranan Universiti untuk Penyebaran Ilmu

Universiti dianggap sebagai tempat yang memberikan ilmu pengetahuan dan melahirkan insan yang baik. Menurut para akademik, tanggungjawab menyediakan pekerjaan untuk siswazah merupakan tanggungjawab kolektif yang perlu dipikul oleh industri, kerajaan dan masyarakat.

Perbandingan antara Siswazah Universiti Luar Negara dengan Tempatan

Berhubung dengan isu kualiti, siswazah universiti luar negara berbanding dengan tempatan, warga akademik berpendapat bahawa kenyataan siswazah universiti luar negara lebih berkualiti daripada tempatan mungkin tidak benar.

Universiti Berusaha untuk Mengekalkan Jaminan Kualiti Kurikulum

Jaminan kualiti kurikulum dan penilaian kurikulum universiti di IPTA adalah mengikut tatacara yang diperakukan pada peringkat kebangsaan (KPT, LAN dan JPA) dan menepati piawaian antarabangsa. Bagi memastikan kurikulum tersebut relevan dan menepati keperluan masa dari segi kebolehpasaran serta dari aspek kecekapan ilmu khusus, tinjauan pasaran dibuat terlebih dahulu dan mesyuarat juga diadakan dengan panel industri untuk menentukan kurikulum.

Kurikulum Universiti Mempunyai Keseimbangan dari Segi Kemahiran Tinggi dan Kemahiran Insaniah

Warga akademik mengesahkan bahawa pelajar didedahkan kepada kemahiran insaniah yang berkaitan, seperti strategi membaca, menulis dan berfikir secara kreatif dan kritis. Mereka merasakan kurikulum universiti yang dibentuk untuk menyediakan pelajar secukupnya dengan asas kemahiran dan ilmu bidang terpilih dapat membantu mereka 'berfungsi' dalam dunia sebenar.

Universiti Menghadapi Beberapa Kekangan dalam Penyemakan Semula Kurikulum

Pihak universiti menghadapi beberapa kekangan dalam mencapai kesinambungan dan persamaan dengan keperluan industri seperti berikut:

- (a) Kekangan menyesuaikan kurikulum universiti mengikut kehendak industri.
- (b) Kekangan proses penyemakan semula kurikulum kerana prosedur yang mengambil masa yang lama.
- (c) Kekangan struktur kurikulum yang menggunakan bilangan jumlah kredit yang terhad dari segi pemantapan ilmu pengetahuan dan terjejasnya pengamatan kemahiran dalam kecekapan berkaitan dengan kebolehpasaran.

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Pengajaran di Universiti dan Keperluan Bahasa Inggeris untuk Kebolehpasaran

Penguasaan bahasa Inggeris penting bagi pengamatan bidang pengajian dan literasi tempat kerja. Di sini, keupayaan pensyarah sains dan ICT mengajar dalam bahasa Inggeris amat penting dijadikan sebagai model untuk mendedahkan pelajar kepada amalan di tempat kerja.

Pandangan Siswazah Terhadap Kemahiran dan Kecekapan dalam Pasaran Pekerjaan

Secara am, kemahiran dan kecekapan yang dilaporkan oleh siswazah mencakupi tiga kemahiran asas: kemahiran literasi alaf digital, komunikasi berkesan dan pemikiran inventif. Semua kemahiran ini diperlukan oleh siswazah supaya mereka dapat berfungsi dengan baik dalam dunia pekerjaan.

Penguasaan Bahasa Inggeris yang Lemah

Kelemahan siswazah menggunakan bahasa Inggeris menyebabkan mereka tidak dapat merebut peluang pekerjaan yang ada.

Kemahiran Komunikasi Efektif

Kelemahan dalam kemahiran komunikasi efektif dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang mengurangkan peluang siswazah untuk mendapat pekerjaan. Paling

menonjol daripada data ialah penekanan majikan kepada kemahiran interpersonal dan kemahiran interaktif; yakni dua kemahiran yang berkait rapat dengan kemahiran siswazah menggunakan bahasa Inggeris dan tahap keyakinan diri mereka.

Kurangnya Keyakinan Diri dalam Kalangan Siswazah

Keyakinan diri dikaitkan dengan ketidakmampuan para siswazah menonjolkan ketrampilan diri kepada majikan. Kekurangan keyakinan diri juga dikaitkan dengan kelemahan mereka menggunakan bahasa Inggeris.

Kemahiran Pemikiran Inventif

Siswazah tidak mempunyai kemahiran untuk menangani pelbagai suasana pekerjaan dan pelbagai tugas secara efektif.

Kemahiran Produktiviti Tinggi

Kepentingan kemahiran ini jelas apabila majikan dikatakan mahukan siswazah yang berpengalaman dan yang telah menjalani latihan industri untuk diambil bekerja.

Kurikulum Universiti Kurang Menekankan Kemahiran Insaniah

Para siswazah mengakui bahawa universiti amnya berfungsi untuk menyampaikan ilmu, mengembangkan ilmu dan memberikan asas dan garis panduan. Dalam sesi temu duga, pihak siswazah mendapati bahawa industri meneliti kesesuaian kursus yang dipelajari di universiti dengan kerja yang ditawarkan dan latihan industri. Para siswazah mendapati kadangkala terdapat ketidakpadanan antara kursus yang diambil oleh mereka dengan yang diharapkan oleh industri berdasarkan nama ijazah yang diperoleh.

Latihan Industri

Satu lagi aspek yang disentuh ialah kelemahan latihan industri. Terdapat universiti yang mewajibkan latihan industri dalam tempoh yang pendek, manakala ada pula universiti yang tidak mewajibkannya. Berlaku juga ketidakpadanan latihan industri dengan program yang diambil, yang menyumbang kepada kelemahan siswazah dalam kemahiran literasi alaf digital (seperti literasi teknologi dan literasi maklumat) dan kemahiran komunikasi efektif, yang mengurangkan peluang mereka untuk memperoleh pekerjaan.

Pendedahan kepada Bahasa Inggeris Terhadap di IPTA

Pendedahan kepada bahasa Inggeris di universiti juga didapati terhad; contohnya, walaupun nota kuliah dicatatkan dalam bahasa Inggeris, kuliah disampaikan dalam bahasa Malaysia dan hal ini menyebabkan pelajar sukar untuk menggunakan bahasa Inggeris dengan yakin.